



10 JAN, 2025

## PM lancar inisiatif Kiosk Sentuhan Madani

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

### PM lancar inisiatif Kiosk Sentuhan Madani

**PUTRAJAYA** - Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim melancarkan Kiosk Sentuhan Madani pertama di pusat beli-belah Alamanda di sini, yang merupakan inisiatif terbaharu bagi memudahkan akses rakyat kepada perkhidmatan kerajaan.

Kiosk itu yang menghimpunkan lebih 90 perkhidmatan kerajaan, disediakan melalui enam kiosk agensi kerajaan dan pihak swasta.

Kiosk tersebut melibatkan perkhidmatan Jabatan Pengangkutan Jalan, Pos Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Tenaga Nasional Bhd, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan MyDigital ID.

Hadir sama, Menteri Komunikasi Fahmi Fadzil dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Armizan Mohd Ali.

Kiosk Sentuhan Madani ialah satu inisiatif di bawah Belanjawan 2025 yang diilhamkan Anwar untuk menambah baik perkhidmatan awam dan menyantuni keperluan masa kini rakyat.

Mengulas mengenai kiosk tersebut, Fahmi berkata, kerajaan berharap lebih banyak syarikat korporat tampil membantu menjayakan inisiatif tersebut, dengan menyediakan tapak pemasangan di premis masing-masing.

Beliau turut memaklumkan Kiosk Sentuhan Madani yang kedua akan dipasang di Stesen KL Sentral, Kuala Lumpur dan dijangka mula beroperasi pada penghujung Februari ini. - *Bernama*



**Anwar Ibrahim melawat ke Kiosk Sentuhan Madani di pusat beli-belah Alamanda selepas majlis peluncuran kiosk tersebut pada Khamis.**

